



MPC (CRO)800-1(2020)

7 Disember 2020

Tuan Haji Abd Rahman Hj Abd Rahim

ARAR Venture

No 21-A , Jalan BPU8, Bandar Perniagaan Bandar Puchong Utama,
47100, Puchong Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

**PELANTIKAN SEBAGAI KOORDIANTOR UNTUK MELAKSANAKAN TUJUH (7)
SIRI PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR***

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas. Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan kertas cadangan dan sebut harga perkhidmatan yang ditawarkan dari pihak Tuan yang bertarikh 4 Disember 2020.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) melalui Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS) bersetuju untuk melantik **ARAR Venture** sebagai Penyelaras Program bagi melaksanakan program seperti dinyatakan di atas dengan jumlah keseluruhan bayaran sebanyak **RM11,900.00 untuk tujuh (7) siri Webinar**. Bagi tujuan ini, pihak Tuan adalah tertakluk kepada skop penugasan seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Menguruskan pelantikan penceramah dan moderator yang terlibat bagi setiap siri program;
2. Penyediaan platform;
3. Penyediaan topik saranan;
4. Pelaksanaan promosi untuk mendapatkan peserta;
5. Pelaporan program dan perkara yang berkaitan dengan jayanya.
6. Pelaksanaan Program adalah untuk sepanjang bulan Disember 2020 sahaja.

3. Sekiranya pihak tuan bersetuju dengan lantikan ini, sila maklumkan pengesahan ini dengan mengembalikan surat Akuan Setuju Terima kepada pihak kami dalam tempoh **7 hari** daripada tarikh surat ini. Kegagalan tuan mengesahkan persetujuan ini dalam tempoh tersebut menyebabkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

4. MPC amat mengharapkan komitmen dan kerjasama yang tinggi dari pihak Tuan dalam menjayakan **PROGRAM PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK *PRODUCTIVITY MELALUI WEBINAR*** nanti dapat memberikan manfaat kepada semua peserta yang menyertai sesi tersebut dan terus produktif melalui perubahan landskap baharu industri di Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ROSMI ABDULLAH)

Pengarah

Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan Produktiviti (PACS)

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC (CRO)800-1(2020)

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia
P.O. Box 64, Jalan Sultan
46904 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
(U.P.: Encik Rosmi Abdullah)

Tuan,

**AKUAN SETUJU TERIMA PELANTIKAN SEBAGAI KOORDINATOR UNTUK
MELAKSANAKAN TUJUH (7) SIRI PROGRAM *PRODUCTIVITY WEBINAR***

Saya _____ mewakili pihak syarikat, **ARAR**
VENTURE No. K/P: _____ dilantik sebagai koordinator untuk
melaksanakan tujuh (7) siri Program *Productivity Webinar* dengan jumlah keseluruhan
bayaran sebanyak **RM11,900.00**. Saya memahami dan akan mematuhi pelaksanaan
khidmat perundingan mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh MPC.

2. Sekiranya saya gagal mematuhi mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam
spesifikasi tersebut, pihak MPC berhak untuk membatalkan pelantikan ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop Syarikat :